

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HMT 401 Semantik Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. Setiap soalan membawa markah yang sama.

Sila tulis nombor soalan secara berurutan pada kulit hadapan kertas jawapan.

Jawapan mestilah tepat dan bernas dengan menggunakan Bahasa Melayu Tinggi.

1. Di dalam perbincang makna, Ferdinand de Saussure (1853-1913) menyatakan bahawa bunyi bahasa (ujaran) yang disampaikan merupakan realisasi bayangan dalaman atau penjelmaan makna yang ada di dalam fikiran si penutur. Bincangkan.
2. Aliran Struktural yang dipelopori oleh Leonard Bloomfield berpendapat bahawa strukturlah yang menentukan makna, bukan makna yang menentukan struktur. Sila beri komen terhadap pernyataan tersebut.
3. Di dalam kajian semantik, kata dasar, imbuhan, dan kata tugas perlu dicari maknanya. Oleh sebab ketiga-tiga bentuk morfem ini berbeza maka cara pengkajian makna seperti ini merumitkan. Kemukakan istilah yang bersesuaian bagi kajian semantik terhadap kata dasar, imbuhan, dan kata tugas tersebut, disokong oleh contoh yang sesuai.
4. Satu cara menganalisis semantik ialah dengan menggunakan analisis komponen makna. Sila analisis setiap perkataan yang terdapat di dalam ayat berikut.

Ibu dan ayah pergi ke Langkawi kelmarin.

5. Di dalam kajian makna dikenali istilah homonim, homofon dan homograf. Sila berikan takrifan masing-masing istilah tersebut dan sertakan 5 contoh setiap satu istilah.

- oooOOOooo -

MEMORANDUM FOR THE DIRECTOR

RE: [Illegible]

Summary of [Illegible]

1. [Illegible]

Background Information

[Illegible text block]

[Illegible text block]

[Illegible text block]

[Illegible text block]

[Illegible text block]

[Illegible text block]